

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI PERAK

OLEH

LAILA MAZNI BINTI ISMAIL
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
2006

3387

1100045552

1100045552 Perpustakaan
Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 15 FPE 2 2006



1109045552

Laporan akhir latihan industri di Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak / Laila Mazni Ismail.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045552

110045552

Lihat sebelah



I
PE
2
106

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI PERAK

Oleh

**LAILA MAZNI BINTI ISMAIL
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN
KEPADA**

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
2006**

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Laila Mazni binti Ismail (UK 9386) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Laila Mazni binti Ismail

Tarikh : 13 November 2006

Disahkan Oleh :



Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

PENGHARGAAN

Assalammualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyempurnakan Latihan Industri ini di Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak. Dengan rasa berbesar hati, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak terutamanya kepada Yang Berhormat Dato' Hasbullah Osman, Setiausaha Eksekutif UMNO merangkap Ketua Pegawai Tadbir Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak di atas kesudian beliau memberi peluang kepada saya untuk menjalankan Latihan Industri di Bahagian Pentadbiran UMNO Negeri Perak.

Selain itu, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Norhaliah Abd Manas, Penyelia di Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak serta kakitangan Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak terutamanya Puan Aziah Abdullah, Encik Ishak Darus, Puan Siti Zaleha Abd Manas, Cik NorAzlina Che Harun, Puan Hajar Mohamed Hussain, Encik Shaharrani Ariffin, Cik Roshidah Saad, Encik Khazrin Khalil, Encik Dharma Shahrul Amin dan Encik Jasni Che Man. Sesungguhnya, segala tunjuk ajar, kerjasama dan bantuan yang telah diberikan membolehkan saya menjalankan Latihan Industri dengan jayanya. Peluang dan kepercayaan yang diberikan juga telah membolehkan saya menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan, kemahiran dan juga pengalaman. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan buat Puan Ismar Liza Mahani Ismail selaku penyelia KUSTEM, yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, bantuan, nasihat, kritikan yang membina dan pendapat yang berguna kepada saya dalam menyempurnakan laporan akhir ini.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan teristimewa buat keluarga tersayang iaitu ibu dan ayah yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan serta sentiasa mendoakan kejayaan saya. Tidak lupa juga ucapan penghargaan ini ditujukan khas buat kakitangan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi terutamanya kakitangan Jabatan Ekologi Sosial dan sahabat-sahabat seperjuangan yang turut sama membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyempurnakan laporan akhir Latihan Industri ini. Segala kenangan, pengalaman yang diperolehi merupakan 'guru' yang amat berguna kepada kita. Semoga Allah s.w.t. merahmati kalian. Sekian Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	v
SENARAI LAMPIRAN	vi
RINGKASAN EKSEKUTIF	vii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang	1
1.2 Maklumat Organisasi	
1.2.1 Nama	2
1.2.2 Cogan kata	2
1.2.3 Lambang	3
1.2.4 Bendera	3
1.2.5 Asas dan Tujuan	4
1.2.6 Tataetika	5
1.3 Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak	9
1.4 Struktur Organisasi	11
1.5 Peranan Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak	16
1.6 Aktiviti Utama Organisasi	17

BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH

2.1 Mengesan Sistem Sedia Ada	
2.1.1 Sistem Pengurusan Fail	19
2.1.2 Sistem Perakam Waktu dan Buku Keluar-Masuk	20
2.1.3 Sistem Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja	20
2.1.4 Sistem Operator	21
2.1.5 Sistem Telefon dan Faksimile	21
2.1.6 Sistem Pengumpulan Data Peribadi/Biodata dan Penyebaran Maklumat	22
2.1.7 Sistem Pendaftaran Ahli Baru	25
2.1.8 Sistem Pelaksanaan Program	27
2.2 Analisis Masalah dan Cadangan Penyelesaian	
2.2.1 Masalah Pengumpulan Data/Biodata dan Penyebaran Maklumat	29

2.2.2	Masalah Pendaftaran Ahli Baru	31
2.2.3	Masalah Pelaksanaan Program	32
BAB 3 KESIMPULAN		34
BIBLIOGRAFI		38
LAMPIRAN		39

SENARAI RAJAH

- Rajah 1: Carta Organisasi Pejabat Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak
- Rajah 2: Proses Pengumpulan Biodata
- Rajah 3: Proses Pendaftaran Keahlian
- Rajah 4: Proses Pelaksanaan Program

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1: Senarai Nama Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak Darul Ridzuan
- Lampiran 2: Ringkasan Sejarah Perjuangan UMNO
- Lampiran 3: Detik Sejarah Perjuangan UMNO
- Lampiran 4: Perlembagaan UMNO
- Lampiran 5: Contoh Borang Keahlian UMNO

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau *United Malays National Organisation* (UMNO) merupakan sebuah organisasi yang bertanggungjawab untuk memperjuangkan dan membangunkan bangsa Melayu di samping mendukung cita-cita kerajaan untuk membentuk bangsa Malaysia yang bersatu-padu. Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak berperanan sebagai penyelaras, pelaksana dan pemantau kegiatan politik orang Melayu di negeri Perak.

Lantaran itu, laporan Latihan Industri ini bertujuan untuk menerangkan cara pengurusan organisasi Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak, ia mengandungi tiga bahagian di mana bahagian pertama menerangkan tentang latar belakang organisasi yang merangkumi sejarah ringkas, peranan dan aktiviti utama organisasi. Bab dua pula menjelaskan sistem pengurusan organisasi yang diguna pakai oleh Bahagian Pentadbiran UMNO Negeri Perak serta analisis masalah-masalah yang wujud merangkumi cadangan penyelesaian dan pelaksanaannya. Bab tiga pula merupakan kesimpulan laporan Latihan Industri yang merangkumi pengalaman pelatih serta pengharapan pelatih terhadap organisasi.

Oleh itu, penemuan beberapa masalah yang wujud dalam organisasi dan cadangan penyelesaian yang dikemukakan diharapkan menjadi panduan kepada pihak UMNO Perak bagi meningkatkan pengurusan pentadbiran dan pencapaian organisasi ini akan menjadikan Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak sentiasa teguh serta kukuh sepanjang masa untuk terus memartabatkan dan memperjuangkan nasib bangsa Melayu agar seiring dengan perkembangan arus globalisasi.